



## JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

TAJUK : “DADAH...KESANNYA MEMBINASAKAN”.

27 FEBRUARI 2015M / 08 JUMADA AL-ULA 1436H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

يَتَأَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمْ وَأَخْشَوْا يَوْمًا لَا تَجْزِي وَالِدٌ عَنْ وَلَدِهِ وَلَا مَوْلُودٌ هُوَ جَارٍ عَنِ وَالِدِهِ

شَيْئًا إِنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ فَلَا تَغُرَّنَّكُمُ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَلَا يَغُرَّنَّكُم بِاللَّهِ الْغُرُورُ ﴿٣٣﴾ (Luqman:33)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ . اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ

بِإِحْسَانٍ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ .

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ .

## **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,**

Khatib memperingatkan diri ini dan sidang jemaah yang dimuliakan sekalian, marilah kita bersama-sama bertaqwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taqwa, agar kita dapat melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala tegahan-Nya. Marilah bersama kita berpegang kepada tali Allah SWT yakni dengan menjaga hubungan kita sebagai hamba-Nya dan juga hubungan sesama insan, agar penyatuan ummah dapat direalisasikan bermula di dalam rumah Allah SWT yang penuh barakah ini. Nikmat Islam yang dikecapi dan hamparan luas keamanan yang kita nikmati selama ini, seharusnya kita syukuri dengan meningkatkan amal ibadah bagi memperkukuhkan lagi hubungan kita dengan Maha Pencipta lagi Maha Berkuasa serta menjalin eratkan hubungan kita sesama manusia. Semoga, hidup kita sentiasa dicucuri rahmat serta kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Firman Allah SWT di dalam surah Ali-Imran ayat 103:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

**Maksudnya :** *“Dan berpegang teguhlah kamu semua kepada tali Allah, dan janganlah berpecah belah”.*

Sempena Peringatan Hari Antidadah Kebangsaan 2015 yang disambut setiap tahun pada 19 Februari, mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk **“DADAH...KESANNYA MEMBINASAKAN.”**

## **SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,**

Masyarakat dunia pada hari ini menghadapi masalah penagihan dadah yang sangat serius. Gejala ini telah lama bertapak dan semakin hari ia semakin membimbangkan lantaran kesannya yang mampu menggugat kesejahteraan negara dan ummah. Apa yang lebih menakutkan adalah kesannya membawa padah, memudaratkan serta membinasakan diri.

Jawatankuasa Majlis Fatwa negeri Kedah yang bersidang pada 30 Oktober 2005 dan Mesyuarat Jawatankuasa Majlis Fatwa negeri Perlis Ke-12 pada 30 Oktober 2013 telah mengeluarkan fatwa terhadap sebarang kegiatan dan penyalahgunaan segala jenis dadah adalah haram kerana ia boleh membawa kemudaratkan dan kerosakan pada diri.

Justeru, bagi memastikan Malaysia bebas daripada dadah, perlu ada usaha yang bersatu padu menggembeling tenaga tanpa mengira perbezaan ideologi, agama dan bangsa. Selain pihak berkuasa, kita, sama ada ibu, bapa, sanak saudara, rakan taulan harus memainkan peranan sebagai satu pasukan sukarelawan yang utuh. Dalam menangani gejala ini, peranan pelbagai pihak sangat diperlukan bagi merealisasikan keberkesanan serta kejayaan menghentikannya daripada terus menular.

Firman Allah SWT dalam surah al-Maidah, ayat 2:

.....وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۗ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۗ

**Maksudnya :** “....dan tolong menolonglah kamu dalam melakukan kebaikan dan taqwa, dan janganlah kamu tolong menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan....”

## **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,**

Masyarakat hari ini semakin terdedah dengan pelbagai ancaman yang mampu meruntuhkan masyarakat dan negara. Membiarkan ummah berada dalam keadaan yang lemah, mundur serta dibelenggu dengan perkara yang negatif seperti penyalahgunaan dadah akan menghancurkan sesebuah tamadun yang kukuh. Sabda Rasulullah SAW :

المؤمن للمؤمن كالبنيان يشد بعضه بعضاً وشبك بين أصابعه

**Maksudnya:** “Seorang mukmin dengan mukmin yang lain bagaikan sebuah bangunan yang saling memperkukuhkan sebahagiannya dengan sebahagian yang lain (sambil Rasulullah SAW mencengkamkan jari-jarinya).” (Hadis Riwayat: Muttafaqun ‘alaih)

Bagi menangani masalah ini, sewajarnya masyarakat mengetahui serba sedikit apa yang difahami dengan dadah. Selain daripada kesannya yang membawa kemudharatan kepada kesihatan dan kesejahteraan seseorang dari segi fizikal, mental, emosi dan tingkahlaku, dadah juga mampu menjadikan seseorang itu ketagih dan terus bergantung hidup kepadanya. Malah, penagihan yang meluas akibat pengedaran tanpa kawalan dalam kalangan masyarakat akan menyemarakkan lagi virus najis ini dan hal ini akan mengakibatkan kelumpuhan struktur pentadbiran negara membangun seperti negara kita.

## **SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,**

Pelbagai jenis dadah telah dikenalpasti memasuki negara kita, antaranya dadah jenis tradisional seperti candu, heroin dan morfin yang mana penggunaannya akan membawa kesan sindrom penarikan, iaitu gian. Penagih akan mengalami kecelaruan mental dan turut menjejaskan fungsi kehidupan seharian seperti pembelajaran, pekerjaan, keluarga dan rumahtangga serta hubungan sosial. Pengambilan dadah jenis ini juga boleh menyebabkan jangkitan bawaan darah seperti HIV Aids dan Hepatitis B.

Seterusnya dadah jenis sintetik atau dipanggil Amphetamine Type Stimulant (ATS) adalah dadah jenis perangsang. Contohnya seperti pil kuda, WY, Yaba, ice, syabu dan ectasy. Penyalahgunaan dadah jenis ini akan mengakibatkan kesan lebih buruk, iaitu mental tidak stabil, hilang kawalan diri, bertindak agresif dan manifestasi tingkahlaku yang ganas serta emosi yang terjejas.

Negara turut berdepan dengan permasalahan bahan-bahan lain yang disalahguna, iaitu seperti inhalan dan daun ketum. Bahan inhalan seperti gam boleh menyebabkan kesan buruk serta merta kepada penghidunya seperti berhalusinasi, emosi tidak stabil dan dalam jangka masa yang panjang akan menyebabkan kerosakan sel-sel otak serta mengakibatkan kematian. Daun ketum pula secara tradisionalnya dikenalpasti sebagai sumber untuk merawat penyakit. Namun penyalahgunaannya semakin membimbangkan negara kita kerana dengan pengambilan dos yang tinggi dan dalam tempoh yang lama akan menyebabkan penggunaanya mengalami kesan-kesan yang sama seperti penagihan morfin, iaitu hilang

kawalan diri, berasa malas dan bosan, hilang selera makan dan tidak boleh tidur.

## **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,**

Tanggungjawab membendung gejala ini bukan hanya terletak kepada pihak-pihak tertentu. Sebaliknya menjadi tugas dan amanah kita khususnya umat Islam bersatu padu menggerakkan sumber tenaga untuk menghalang dadah berleluasa di negara kita.

Menurut maklumat dari Agensi Antidadah Kebangsaan cawangan Negeri Sembilan, penglibatan anak-anak muda berbangsa melayu terhadap penyalahgunaan dadah lebih tinggi berbanding bangsa lain. Perkara ini perlu diberi perhatian kerana Islam menggalakkan umatnya hidup dalam kesejahteraan, sama ada di dunia mahupun di akhirat. Anak-anak Melayu beragama Islam perlu diberi penekanan tinggi dalam mencorakkan kehidupan masa depan mereka ke arah lebih bermatlamat.

Umum mengetahui mereka-mereka yang terjebak dengan najis ini kebiasaannya akan mengulangi perbuatan mereka walaupun telah menjalani hukuman sebelumnya. Hal ini menyebabkan timbul kesan berpanjangan yang perlu kepada kawalan berterusan daripada semua pihak. Sehingga Januari 2015, statistik kes pengawasan baru dan kes berulang di Negeri Sembilan mencatatkan jumlah besar, iaitu seramai 2135 orang. Walaupun jumlah perbezaan pada tahun 2014 melebihi 213 orang dari tahun ini, namun dikuatiri berlaku peningkatan mendadak jika masyarakat tidak ambil kisah dengan bahaya dan kesannya.

Didikan awal daripada rumah adalah tanggungjawab ibu bapa dan keluarga. Anak-anak perlu didedahkan dengan kesan buruk yang berlaku akibat penyalahgunaan dadah. Kebajikan dan kehidupan seharian anak-anak perlu diberi perhatian dengan memantau segala perkembangan mereka khususnya yang sedang meningkat remaja. Ini kerana pada usia tersebut mereka lebih mudah terdedah dan terjerumus dengan pelbagai bentuk keseronokan yang membinasakan. Selain ibu bapa, guru, pemimpin masyarakat dan sahabat adalah antara mereka yang mempunyai potensi membendung gejala ini daripada terus merebak. Pihak berkuasa juga harus menggerakkan usaha mengawal dan membanterasedaran najis dadah ini daripada terus merebak secara berleluasa.

Kesan penyalahgunaan dadah daripada segi kesihatan dan sosial perlu dilihat secara objektif oleh semua pihak. Pelbagai masalah sosial akan wujud, antaranya ponteng sekolah, pelanggaran disiplin, budaya merempit, merompak, mencuri, menyamun, pecah rumah, meragut, rogol, melahirkan anak luar nikah, penularan penyakit berjangkit dan bermacam lagi. Generasi muda adalah pendokong masa depan ummah dan penentu kemajuan negara. Jika kawalan dan batasan tidak diperhebat pasti negara akan berdepan dengan masalah besar dan impian menuju wawasan 2020 gagal terlaksana.

## **SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,**

Kita perlu menangani punca dan sebab musabab berlakunya kemerosotan akhlak dalam kalangan masyarakat. Berhadapan dengan cabaran besar

dan pengaruh luar yang bebas berkembang dalam negara masa kini, usaha yang berterusan dan komitmen ikhlas daripada pihak kerajaan dan rakyat amat diperlukan untuk meningkatkan mutu integriti akhlak masyarakat Malaysia supaya matlamat negara maju mengikut “acuan kita sendiri” dapat dicapai.

Usaha memperkukuhkan nilai-nilai murni harus bermula dari dalam diri sendiri kemudian baru kita mampu melaksanakan perubahan dalam masyarakat. Kekukuhan pegangan agama perlu berjalan serentak dan bergabung tenaga dengan gerakan pemantapan integriti nasional yang mempunyai matlamat yang sama. Marilah kita mengamalkan dan memantapkan akhlak yang tinggi nilainya sebagaimana yang ditunjukkan oleh junjungan besar kita nabi Muhammad SAW. Seorang penyair Arab bernama Ahmad Shauqi Bey telah mengingatkan umat Islam tentang keutuhan akhlak melalui rangkap syairnya yang bermaksud:

***“Sesungguhnya bangsa-bangsa akan kekal utuh selagi akhlaknya masih utuh, jika akhlak mereka sudah lumpuh, mereka pun akan lenyap.”***

Kesimpulannya, mimbar hari ini ingin menegaskan bahawa:

1. Penyalahgunaan dadah adalah HARAM dan menyumbang kepada masalah sosial negara.
2. Semua jenis dadah dan bahan-bahan yang ada kaitan dengannya membawa kemudharatan dan kesan yang buruk serta kebinasaan kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara.



3. Pegangan agama yang kukuh serta nilai-nilai akhlak yang mulia perlu diterapkan dalam diri anak-anak dan keluarga.
4. Semua pihak perlu bersatu padu dalam menggembeling tenaga ke arah usaha membanteras penyalahgunaan dadah.

Menurut Profesor Dr. Muhammad al-Bahi dalam bukunya yang bertajuk ‘Islam Dalam Kehidupan Umatnya’ menyatakan bahawa : **orang yang tujuan hidupnya mencari keredhaan Allah SWT, pasti akan berbuat kebaikan untuk kepentingan sesama manusia.**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah sama-sama kita fahami ayat 104, surah Ali-‘Imran:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَتَكُنَّ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ

الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

**Yang bermaksud:** “Dan hendaklah ada antara kamu satu golongan yang menyeru kepada kebajikan, dan menyuruh membuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian, ialah orang-orang yang berjaya.”

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَتَفَعَّلِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ  
اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.